

**TINGKAH LAKU VANDALISME DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI ZON
LABIS, JOHOR**

GAN SWEE ENG

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan)**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

JUN 2013

DEDIKASI

Teristimewa buat suamiku,
Chong Weng Yen,
Yang memberi sepenuh sokongan,
Dan peniup semangat.

Keluargaku yang tersayang,
Meskipun kits berjauhan namun kerinduan untuk bersama kalian
menjadi obor
Semangat juangku

Buat insan tersayang,
Sokonganmu tidak akan ku lupakan,
Terima kasih atas titipan serangkai doa dan penenang jiwa
Rakan-rakanku yang banyak menyuntik kata-kata semangat di kala aku
kegusaran,
Agar kita dapat menghadapi cabaran dan hambatan globalisasi yang
semakin
menghimpit
Kejayaan ini adalah milik kita bersama
Jutaan Terima Kasih ku ucapkan

Sekian, terima kasih.

PENGHARGAAN

Selamat Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Bersyukurlah saya di sini akhirnya dapat jua saya menyempurnakan kajian ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pentadbiran dan Pengurusan).

Penghargaan ikhlas dan jutaan terima kasih ditujukan khas kepada pensyarah pembimbing iaitu Tn. Hj. Hassan Hushin, selaku penyelia kursus ini yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar, serta dorongan kepada saya di dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini. Di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan nasihat beliau di sepanjang tempoh penulisan kajian ini, hanya Tuhan sahaja yang mampu membalasnya.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kami tujukan kepada pensyarah-pensyarah yang telah banyak memberikan ilmu dan panduan di sepanjang penulisan ilmiah kami. Tanpa kemurahan hati Tuan-tuan semua, mungkin sukar bagi kami untuk menyiapkan kerja yang diberi.

Ribuan terima kasih kepada Pengetua-pengetua Sekolah yang terlibat iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Labis, Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Ibrahim, Sekolah Menengah Kebangsaan Maokil, Sekolah Menengah Kebangsaan Kamarul Ariffin yang telah memberi kebenaran kepada pelajar-pelajar mereka sebagai responden dalam kajian ini. Terima kasih di atas kerjasama yang pihak tuan berikan.

Tidak lupa juga kepada guru disiplin dan kaunselor sekolah yang berkenaan, En. Sharill Azman, En. Khairul, Pn. Ainun, Pn. Sopiah dan Pn. Suziah serta responden yang dipilih untuk membuat kajian ini yang telah memberi kerjasama yang baik di samping sudi meluangkan masa untuk memastikan kajian ini berjaya. Terima kasih dengan kerjasama anda semua dan semoga anda semua berjaya di dalam bidang yang diceburi.

Sekian terima kasih.

Gan Swee Eng

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar di negeri Johor. Kajian ini dijalankan di empat buah sekolah menengah di Zon Labis, Johor. Subjek kajian adalah seramai 100 orang yang terdiri daripada pelajar tingkatan 1 dan 2. Soal selidik yang digunakan mengandungi enam bahagian iaitu maklumat diri subjek, jenis-jenis tingkah laku vandalisme, faktor keluarga, sekolah, rakan sebaya dan konsep sendiri. Data analisis menggunakan *Kaedah Statistical Package for the Social Science – 12.0* (SPSS – 12.0). Keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tingkat pendapatan dan pendidikan ibu bapa terhadap tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar sekolah. Keputusan yang diperolehi juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan bagi faktor keluarga, faktor sekolah, faktor rakan sebaya dan faktor konsep sendiri dengan tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar sekolah. Hasil daripada kajian ini diharapkan akan menjadi sumber rujukan untuk pengkaji-pengkaji akan datang.

ABSTRACT

This research was done to look into the factors influencing vandalism among the students in Johor. This research was done in the Labis Zon, Segamat Johor. The research subjects consist of 100 students from among Form 1 and Form 2 students. Questionnaires used included subject's personal details, types of vandalism, family, school, peer factor and also self-concept. Data analysis used the Statistical Package for the Social Science 12.0 (SPSS-12.0). From the result gained it showed that different parents' income and education level have effects on vandalism occurred among the students. Besides, the result of the research also showed that family background, school background, peer background, and self-concept influenced the vandalism occurred among the school students. The result from this research may be used for reference in the future.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN PENGESAHAN STATUS TESIS	
	HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA	i
	HALAMAN JUDUL	ii
	HALAMAN PENGAKUAN	iii
	HALAMAN DEDIKASI	iv
	HALAMAN PERHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	HALAMAN KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SENARAI SIMBOL/SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	8
	1.3 Pernyataan Masalah	13
	1.4 Objektif Kajian	14
	1.5 Persoalan Kajian	14
	1.6 Hipotesis Kajian	15
	1.7 Kepentingan Kajian	16
	1.8 Skop Kajian Dan Batasan Kajian	18
	1.9 Kerangka Konsep Kajian	19
	1.10 Definisi Istilah Dan Operasional	20
	1.10.1 Vandalisme	20
	1.10.2 Sosioekonomi	22

	1.10.3 Keluarga	23
	1.10.4 Persekitaran Sekolah	24
	1.10.5 Rakan Sebaya	25
	1.10.6 Konsep Kendiri	26
	1.11 Penutup	27
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
	2.1 Pengenalan	28
	2.2 Teori – Teori Yang Berkaitan	28
	2.3 Kajian Dalam Negara	39
	2.4 Kajian Luar Negara	43
	2.5 Penutup	50
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1 Pengenalan	51
	3.2 Reka Bentuk Kajian	51
	3.3 Lokasi Kajian	52
	3.4 Populasi dan Sampel Kajian	52
	3.5 Instrumen Kajian	54
	3.6 Kaedah Pemarkatan	56
	3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan	59
	3.8 Analisis Data	59
	3.9 Kajian Rintis	60
	3.10 Tatacara Kajian	61
	3.11 Takwim Penyelidikan	63
	3.12 Penutup	63
BAB 4	ANALISIS DATA	
	4.1 Pengenalan	64
	4.2 Taburan Kekerapan Latar Belakang Responden	65
	4.2.1 Taburan Responden Berdasarkan Umur	65

4.2.2	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	65
4.2.3	Taburan Responden Berdasarkan Bangsa	66
4.2.4	Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa Sebulan	67
4.2.5	Taburan Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan	68
4.3	Analisis Deskriptif	68
4.3.1	Analisis Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian	69
4.3.2	Persoalan Kajian Tentang Tingkah Laku Vandalisme	69
4.3.3	Persoalan Kajian Tentang Faktor Keluarga	71
4.3.4	Persoalan Kajian Tentang Faktor Sekolah	73
4.3.5	Persoalan Kajian Tentang Faktor Rakan Sebaya	75
4.3.6	Persoalan Kajian Tentang Faktor Konsep Kendiri	78
4.4	Analisis Inferensi	79
4.4.1	Hipotesis 1: Tidak Terdapat Perbezaan Tingkah Laku Vandalisme Dengan Pendapatan Ibu Bapa Yang Tinggi Berbanding Pendapatan Ibu Bapa Yang Rendah	80
4.4.2	Hipotesis 2 : Tidak Terdapat Perbezaan Tingkah Laku Vandalisme Di Antara Pelajar Yang Mempunyai Ibu Bapa Yang Berpendidikan Tinggi Berbanding Pelajar Yang Mempunyai Ibu Bapa Yang Berpendidikan Rendah	81
4.4.3	Hipotesis 3 : Tidak Terdapat Hubungan Tingkah Laku Vandalisme Dengan Faktor Keluarga Di Kalangan Pelajar Sekolah	82
4.4.4	Hipotesis 4 : Tidak Terdapat Hubungan Tingkah Laku Vandalisme Dengan Faktor Sekolah Di Kalangan Pelajar Sekolah.	83
4.4.5	Hipotesis 5 : Tidak Terdapat Hubungan Tingkah Laku Vandalisme Dengan Faktor Rakan Sebaya Di Kalangan Pelajar Sekolah.	83

4.4.6	Hipotesis 6: Tidak Terdapat Hubungan Tingkah Laku Vandalisme Dengan Faktor Rakan Konsep Kendiri Di Kalangan Pelajar Sekolah.	84
4.5	Penutup	85
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	86
5.1.1	Pengaruh Faktor Status Sosioekonomi Keluarga dengan Tingkah Laku Vandalisme di Kalangan Pelajar	86
5.1.2	Faktor keluarga dengan Tingkah laku Vandalisme di Kalangan Pelajar	88
5.1.3	Faktor Rakan Sekolah dengan Tingkah Laku Vandalisme di Kalangan Pelajar	90
5.1.4	Faktor Rakan Sebaya dengan Tingkah Laku Vandalisme di Kalangan Pelajar	91
5.1.5	Faktor Konsep Kendiri dengan Tingkah Laku Vandalisme di Kalangan Pelajar	93
5.2	Rumusan Keputusan Kajian	96
5.3	Implikasi Kajian	98
5.4	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	99
5.5	Penutup	101
	RUJUKAN	104
	LAMPIRAN	109

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Taburan Pelajar-Pelajar Mengikut Sekolah	53
3.2	Markat Alat Ukuran Tingkah laku Vandalisme	57
3.3	Pemarkatan Tahap Pendidikan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Vandalisme	57
3.4	Pemarkatan Tingkat Pendapatan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Vandalisme	58
3.5	Markat Alat Ukuran Faktor Pendorong Tingkah Laku Vandalisme	58
3.9	Analisis Realibiliti Faktor-Faktor Salah Laku Vandalisme	61
3.11	Takwim Penyelidikan	63
4.2.1	Taburan Responden Berdasarkan Umur	65
4.2.2	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	65
4.2.3	Taburan Responden Berdasarkan Bangsa	66
4.2.4	Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa Sebulan	67
4.2.5	Taburan Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan	68
4.3.2	Persoalan Kajian Tentang Tingkah Laku Vandalisme	69
4.3.3	Persoalan Kajian Tentang Faktor Keluarga	71
4.3.4	Persoalan Kajian Tentang Faktor Sekolah	73
4.3.5	Persoalan Kajian Tentang Faktor Rakan Sebaya	75
4.3.6	Persoalan Kajian Tentang Faktor Konsep Kendiri	77
4.4.1	Ujian T ke atas Tingkah Laku Vandalisme dan Pendapatan Ibu Bapa	80
4.4.2	Ujian T ke atas Tingkah Laku Vandalisme dan Pendidikan Ibu Bapa	81
4.4.3	Keputusan Ujian Korelasi Di Antara Tingkah Laku	82

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Model Kajian Tentang Penyebab Tingkah Laku Vandalisme	19

SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

Singkatan	Keterangan
n	Bilangan responden
\bar{x}	Min
r	Nilai Pekali Korelasi
p	Aras Keyakinan
>	Lebih Daripada
<	Kurang Daripada
Sp	Sisihan piawai
dk	Darjah Kebebasan
JDK	Jumlah Dalam Kumpulan
Sig	Signifikan
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SMKL	Sekolah Menengah Kebangsaan Labis
SMKMI	Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Ibrahim
SMKM	Sekolah Menengah Kebangsaan Maokil
SMKKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Kamarul Ariffin

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Bibiografi	104
B	Soal selidik faktor-faktor yang mempengaruhi vandalisme di kalangan pelajar	110
C	Surat Kebenaran Daripada Bahagian Perancangan Penyelidikan Pendidikan	113
D	Surat Pengesahan Status Pelajar UTM	114
E	Surat Memohon Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah	115
F	Kesahan dan Kebolehpercayaan	116
G	Keputusan Analisis	
	- Frequencies	153
	- T test	154
	- Ujian Korelasi	155

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kini, gejala vandalisme di negara Malaysia semakin menjadi-jadi. Gejala vandalisme ini sering dikaitkan dengan pelajar di sekolah. Hal ini kerana, golongan pelajar ini mudah terpengaruh dengan sesuatu gejala atau budaya yang tidak sihat terutamanya gejala vandalisme. Kamus Oxford Advanced Learner's mentakrifkan vandalism sebagai "*willfully destroy or damage works of art, public and private property, the beauties of nature, etc*". Manakala, maksud vandalism menurut kamus dewan adalah satu bentuk jenayah di sisi moral. Sebarang perbuatan seperti menconteng, mengotori, atau merosakkan harta benda awam dianggap sebagai vandalisme.

Vandalisme juga dikenali sebagai gejala laku musnah iaitu tabiat seseorang membinasakan harta benda awam dan juga harta benda orang lain. Perkataan vandalism ini berasal daripada nama sebuah puak di Eropah yang dikenali sebagai Vandal. Kebiasaannya, gejala vandalisme ini dianggap sebagai satu bentuk jenayah, tetapi pada keadaan tertentu vandalism ini juga merupakan satu bentuk jenayah ritual yang dilakukan oleh golongan manusia yang tidak puas hati terhadap keadaan masyarakat. Motif kejadian vandalisme biasanya terletak pada aspek emosi. Vandalisme ini dianggap sebagai suatu cara untuk melepaskan geram atau pun cara untuk menghilangkan

Kebosanan semata-mata. Walaupun mereka dianggap ringan, tetapi masyarakat awam dan terutamanya kerajaan terpaksa menanggung kerugian yang besar akibat daripada vandalisme tersebut.

Golongan vandal terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah, remaja dan para penganggur. Tugasnya hanya melepak di kompleks membeli-belah, pengacau orang lalu-lalang dan menjadi kutu malam. Golongan ini sering menjadi sasaran, kritikan dan tuduhan bahawa mereka terlibat dengan perbuatan-perbuatan yang disebut vandalisme. Di Barat fenomena vandalisme dikaitkan dengan pemuda-pemudi *punk* dan *rock*. Rata-ratanya perbuatan ini dilakukan oleh golongan pelajar yang terpengaruh dengan budaya 'punk' dan 'rock' dari Barat. Budaya Barat ini menular ke Malaysia melalui media massa telah pun mempengaruhi pemikiran pola tingkah laku anak-anak kita.

Dalam tahun-tahun 80-an, kajian tentang sikap buruk pelajar-pelajar adalah seperti mencuri, bersikap kasar dan biadap. Sikap buruk ini membawa masalah utama yang dihadapi oleh pihak sekolah (Lander, 1984). Pada tahun 1982, Gluek, Eleanor dan Sheldon (1988) menyatakan sikap buruk pelajar adalah seperti melanggar peraturan kerana kurang diberi perhatian, kecuaiian dan merokok. Begitu juga, trendnya kini sudah berubah kepada perbuatan vandalisme. Kini, isu ini hangat diperbincangkan oleh media massa.

Di negara kita, tingkah laku merosakkan harta benda di tempat awam dikategorikan sebagai salah laku yang berat dan serius. Hal ini terbukti sejak 1968 lagi, Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengedarkan surat pekeliling yang mengatakan pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan tersebut akan digantung sementara waktu, di bawah undang-undang 1.3.5 merosak atau membinasakan harta sekolah (Mohd Zainal, 2006).

Masalah merosakkan harta benda awam telah menjadi satu fenomena lumrah dalam alam persekitaran kita. Perbuatan ini mendapat perhatian serius daripada pihak

sekolah, masyarakat dan media massa. Pelajar-pelajar tersebut langsung tidak memikirkan kesejahteraan dan kepentingan pengguna lain. Mereka sesuka sahaja merosakkan dan mengotori kemudahan dan persekitaran sekolah tanpa ada rasa bersalah langsung serta menyesal atas kesalahan yang dilakukan.

Persoalannya kini, mengapakah mereka begitu mudah terpengaruh dengan aktiviti menconteng harta benda awam yang tidak sihat ini? Bukankah perbuatan menconteng ini merupakan suatu kerja yang membuang masa? Tidakkah pelajar sedar akan perbuatan tersebut tidak memberikan sebarang manfaat kepada mereka? Seperti mana yang dikatakan, dunia pelajar penuh dengan pergolakan untuk mencari identiti sendiri. Pada peringkat ini pelajar mengalami krisis psikologi dan konflik identiti yang hebat.

Beberapa kategori perbuatan vandalisme dilakukan oleh pelajar menengah iaitu merosakkan harta benda dengan sesuka-sukanya atau hanya ingin mengecapi keseronokan berbuat demikian. Tidak pernah terlintas dalam fikiran minda mereka bahawa perbuatan tersebut boleh mendatangkan impak yang negatif seperti tercacar permukaan harta benda yang kelihatan menyakitkan mata orang pengguna. Apa yang terlintas dalam fikiran mereka yang ketidakstabilan dalam emosi dicurahkan ke atas permukaan meja, kerusi, tembok, simen, batu-batan dan dinding. Tujuan tingkah laku golongan mereka langsung tidak jelas. Ini mungkin mereka hendak untuk menghabiskan masa lapang. (Moli, 2004)

Kedua, golongan pelajar yang mengalami konflik jiwa yang tinggi di mana pelajar itu yang hidup keseorangan merasakan dunia ini kesepian dan tidak bermakna. Kesunyian dan kesepian yang dihadapi ini menyebabkan golongan mereka melakukan tingkah laku menconteng demi menarik perhatian khalayak. Begitu juga, mereka dalam kategori ini mempunyai alasan untuk melakukan vandalisme. Jadi, mereka tiadat tempat yang sesuai untuk menceritakan masalah da nisi hati, maka segala perasaan ketidakpuasan dan kekacauan fikiran diluahkan melalui tulisan-tulisan dan lukisan yang

tidak tentu hala di mana-mana tempat sahaja. Setiap perkataan yang ditulis dan simbol bentuk benda yang dilukis menggambarkan kekacauan fikiran pelajar tersebut.

Ketiga, golongan ini terdiri daripada mereka yang sentiasa tidak puas hati dengan keadaan diri dan masyarakat. Hal ini kerana, kita mendapati sesetengah dinding diconteng dengan gambar-gambar lucu, kata-kata kasar dan kata-kata yang tidak senonoh. Apabila mereka berbuat demikian, mereka berasa leka dapat mengganggu kehidupan orang lain.

Keempat, pula terdiri daripada remaja yang dilamun cinta. Remaja golongan ini suka bertumpu di taman-taman, bas hentian, tempat kloridor pusat membeli-belah, pawagam, tepi pantai dan tempat rekreasi. Mereka suka melukis seperti lambang *love*, anak panah, ukiran nama merpati sejoli dan dengan sengaja meninggalkan nombor telefon. Demi cinta abadi kasih terpacu, rindu terpacu dan kasih diukir. Dorongan emosi menguasai diri mereka daripada akal fikiran lalu mendorong mereka melakukan vandalisme tanpa ada kesedaran dan pertimbangan yang rasional.

Tan Lam Hui (2007) menyatakan golongan remaja yang merosakkan harta benda merupakan golongan yang ingin kebebasan tetapi dikongkong ketat oleh ahli keluarganya. Mereka tidak mempunyai matlamat kehidupan, hobi dan kegemaran lalu suka membuang masa lapang dengan melakukan kesalahan ini apabila berjumpa dengan rakan-rakan sebaya. Mereka akan merasa puas setelah melakukan perbuatan menconteng di mana-mana sahaja dengan perkataan kasar dan gambar-gambar tidak senonoh.

Jika Indeks gejala vandalisme ini tidak dikurangkan secara berkesan, maka ia akan membawa kesan negatif yang memberatkan kepada Malaysia. Tidak bergunanya Negara kita maju dan menggunakan teknologi yang baru. Tidak bergunanya sedangkan remaja yang bakal menjadi jentera penggerak adalah generasi yang tidak bermoral dan tidak bertanggungjawab dalam memelihara harta benda negara. Perbelanjaan negara terpaksa dikeluarkan untuk memperbaiki dan mengganti semula harta benda yang telah

dirosakkan. Masalah salah laku di kalangan pelajar memerlukan kerjasama bersepadu yang serentak dan menyeluruh dari setiap lapisan masyarakat seperti pihak sekolah, ibu bapa, persatuan-persatuan dan sebagainya.

Laporan Salah laku Murid Sekolah Malaysia (2006) mengkategorikan dua jenis vandalisme terhadap sekolah. Pertama, vandal dituju kepada harta benda seperti menguris papan kenyataan, mencarut sudut tangga blok-blok, menconteng meja dan kerusi, mencarut tempat-tempat yang boleh dicarut, menjongkitkan kerusi sehingga kerusi rosak atau sendiri jatuh ke lantai, merosakkan pintu besi sekolah, merosakkan pagar- pagar sekolah, menyimpahkan cecair pembetulan ke kenderaan guru- guru, dan orang lain, merosakkan kemudahan awam sekolah dan lain-lain lagi. Kedua, vandal dituju untuk mengganggu rutin harian sekolah seperti mengganggu rutin sekolah seperti ugutan bom, bunyi loceng amaran palsu, dan kebakaran.

Menurut kajian Abu Salim (2009), jenis-jenis serangan merosak Perumahan Mahasiswa dibahagikan mengikut kekerapan iaitu selalu, kerap kali, kadang-kadang, jarang dan tidak pernah. Kajian ini menunjukkan menguris papan kenyataan, mencarut sudut tangga blok-blok, menconteng meja dan kerusi, mencarut tempat-tempat yang boleh dicarut antara yang selalu dilakukan. Serangan kerosakkan yang kerap kali dilakukan adalah seperti merosakkan sinki dan mengoyak poster, mengalihkan pemadam api, memecahkan glass point bomba dan kotak hosereel. Begitu juga, serangan yang jarang dilakukan adalah merosakkan peti sejuk, tompok lampu, televisyen, pembesar suara. Jenis-jenis serangan ini dilakukan dalam keadaan yang sengaja dan tidak dirancang terlebih dahulu.

Alias Sulaiman (2004) menyatakan golongan pelajar yang melakukan vandalisme seperti merosakkan harta benda tanpa ada sebarang alasan serta tidak mendapat sebarang faedah atas tingkah laku tersebut. Tingkah laku tersebut menunjukkan bantahan terhadap sesuatu atau luahan kekecewaan pelaku kepada sendiri, keluarga, rakan sebaya, sekolah dan masyarakat. Golongan ini ingin menarik perhatian

orang ramai dan memperkenalkan dirinya secara negatif serta amat memerlukan kasih sayang.

Salah laku vandalisme di kalangan remaja dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Namun, faktor yang dipilih dalam kajian ini adalah faktor sosioekonomi iaitu tingkat pendapatan dan taraf pendidikan ibu bapa, faktor keluarga, faktor sekolah, faktor rakan sebaya dan faktor konsep sendiri. Jadi, faktor yang paling utama perlu diketepikan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap tingkah laku vandalisme. Hal ini kerana para pelajar adalah nusa harapan masyarakat yang akan mewarisi kepimpinan dan pembangunan negara pada masa akan datang.

Keseluruhan vandal melakukan vandalisme berdasarkan tujuannya yang berlainan. Menurut *Cohen* (1972) dan *Bowles* (1982), misalnya telah memkategorikan tingkah laku vandalisme kepada enam kategori.

Yang pertama, vandalisme berbentuk keinginan di mana kerosakan dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu. Vandalisme ini amat sering berlaku di sekolah. Misalnya, memecahkan meja dan kerusi, memecahkan peti sejuk atau memecahkan pintu pagar sekolah.

Kedua, vandalisme yang dirancang. Biasanya, vandal dilakukan demi mencapai satu-satu kehendak. Ia juga merupakan satu tingkah laku yang disadari yang mempunyai matlamat yang telah difikirkan. Misalnya, vandalisme bersifat taktikal dengan merosakkan loceng atau membunyikan loceng keselamatan dan dengan ini matlamat akhir yang dikehendaki ialah loceng kecemasan tersebut akan terus berbunyi dan mengganggu ketenteraman sekolah sehingga mengganggu pelajar-pelajar lain. Mereka akan berasa seronok akan tingkah laku tersebut.

Ketiga, vandalisme ideologikal di mana vandalisme jenis ini mempunyai matlamat ideologi besar yang telah dirancang awal-awal lagi. Vandalisme jenis ini seakan-akan serupa dengan vandalisme taktikal. Ia mengecat atau menyembur cat di dinding-dinding

bangunan sekolah atau tandas dengan menulis slogan-slogan politik tertentu seperti kata kasar, kata lucah dan sengaja meninggalkan nombor telefon.

Keempat, vandalisme bersifat balas dendam. Tujuan jenis tingkah laku ini sangat-sangat dibimbangi oleh pihak sekolah. Ia berpunca daripada tujuan untuk membalas dendam terhadap pihak sekolah yang telah mendenda vandal tersebut. Tindakan membalas dendam yang dilakukan seperti memecahkan cermin tingkap, membakar pintu dinding bangunan, mencalarkan kereta guru, merosakkan telefon awam adalah beberapa kes salah laku yang kerap dilakukan.

Kelima, vandalisme bersifat suka-suka di mana ia dilakukan untuk tujuan sewenang-wenangnya. Ia juga dilakukan kadangkala dengan tujuan permainan. Ia merupakan kegiatan merosak yang paling kerap berlaku di sekolah. Misalnya, satu pertandingan diadakan di kalangan pelajar bagi tujuan siapa yang boleh memecahkan kotak *hosereel* atau memecahkan *glass point* sistem pencegah kebakaran tanpa diketahui oleh pihak sekolah.

Keenam, vandalisme bersifat merosak di mana ia merupakan satu tingkahlaku merosak yang paling ganas atau membahayakan. *Cohen* menyifatkan vandalisme jenis ini sebagai cara menunjukkan rasa ketidakpuasan atau rasa kekecewaan terhadap tindakan sekolah.

1.2 Latar Belakang Masalah

Mengikuti *Lander* (1984), dalam tahun-tahun 80-an, kajian terpenting yang dibuat adalah mengenai sikap buruk pelajar-pelajar seperti mencuri dan bersikap kasar. Sikap buruk ini merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pihak sekolah pada masa itu. Pada tahun 1982, *Gluek, Eleanor dan Sheldon* (1988) menyenaraikan sikap buruk pelajar adalah seperti melanggar peraturan kerana kurang diberi perhatian, kecuaiian dan merokok. Namun begitu, trendnya sudah berubah, perbuatan vandalisme kini menjadi isu utama di kebanyakan sekolah di merata-rata kawasan.

Tingkah laku vandalisme di sekolah Zon Labis termasuklah merosakkan harta benda sekolah, merosakkan harta benda murid, merosakkan harta benda guru dan merosakkan harta benda kantin di sekolah. Ini telah menyebabkan para pelajar mendapat perhatian masyarakat setempat. Ia juga telah menimbulkan kerisauan di kalangan pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat secara umum.

Mengikuti Index Jenayah yang diperolehi daripada Timbalan Ketua Polis Segamat, Deputi Superintendan Md. Anuar Ismail(2012) , tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar di Zon Labis semakin meningkat dari setahun ke setahun. Pada tahun 2009, seramai 1,106 orang pelajar terlibat dalam kes vandalisme. Kes ini meningkat kepada 1,322 orang pada tahun 2010 dan seterusnya kepada 1,536 orang pelajar pada tahun 2011.

Menurut Laporan Disiplin Pelajar (2009), seramai 1,893 orang pelajar di Johor yang melakukan jenayah vandalisme. Daripada jumlah ini, seramai 534 (33.4 peratus) orang pelajar diberi amaran, 18.2 peratus diberi nasihat, 16.59 peratus dirotan dua kali dan 2.38 peratus dirotan tiga kali. Sebanyak 2.16 peratus dibuang sekolah akibat terlibat dalam kes vandalisme manakala 4.07 peratus dilapor kepada polis. Tindakan dan hukuman yang berat diberi kepada pelajar yang bertingkah laku vandalisme tidak memberi kesan yang positif dalam mengurangkan perlakuan kes ini. Ini kerana jumlah

kes telah meningkat kepada 8.14 peratus pada tahun 2009 iaitu seramai 3,902 orang pelajar jika dibandingkan dengan tahun 2010 ialah 2,736 orang pelajar.

Daripada 200 kes yang dilapor, didapati 123 orang pelajar mengulangi bukan sekali, malah berulang kali tingkah laku vandalismenya. Tingkah laku yang sering diulangi ialah menggaris dan mencalarkan perabot dengan pelbagai perkataan dan simbol, menconteng dinding dengan kata-kata tidak senonoh terutamanya di tandas dan ada yang memecahkan cermin tingkap.

Ternyata tindakan dan hukuman yang diambil oleh pihak sekolah kurang berkesan dalam membendung perlakuan pelajar-pelajar yang pernah dikenakan tindakan, yakni pelajar-pelajar yang pernah dirotan. Dan memandangkan kepada sumber statistik yang diperolehi, adalah tidak mustahil sekiranya vandalisme ini meningkat pada masa akan datang.

Laporan daripada Balai Polis Labis 5 Mac 2009 melaporkan polis telah menahan seorang pelajar lelaki berhubung dengan kejadian letupan bunga api di bilik darjah Sekolah Menengah Labis. Letupan itu menyebabkan tingkap-tingkap kaca pecah dan beberapa meja kerusi telah dirosakkan. Selain itu, Laporan daripada Jabatan Pendidikan Daerah Segamat 20 Jun 2010 melaporkan sekumpulan pelajar sebuah sekolah di Zon Labis bertindak menconteng dengan menggunakan penyembur cat pada dinding bangunan tandas lelaki sekolah berkenaan dengan nama seorang guru lelaki disiplin serta dengan kata-kata lucah. Malah kumpulan pelajar tersebut bertindak keterlaluan lagi dengan menconteng kata-kata memalukan iaitu guru itu mempunyai hubungan sulit dan merogol seorang pelajar perempuan di sekolah tersebut.

Selain itu, laporan tersebut juga melaporkan bahawa terdapat tiga orang pelajar ditahan kerana cuba membakar sebuah motosikal guru sekolah di Zon Labis. Pelajar-pelajar ini difahamkan cuba membalas dendam terhadap seorang guru lelaki yang sering melaporkan tingkah laku mereka kepada ibu bapa mereka. Tindakan guru ini telah menimbulkan kemarahan pelajar-pelajar ini dan mereka membakar motosikal guru itu

untuk meluahkan rasa marah mereka. Hal ini menunjukkan betapa teruknya kejadian vandalisme di kalangan pelajar.

Kes seterusnya dilaporkan ialah pada 19 Jun 2011 iaitu sebuah bilik darjah di Zon Labis telah musnah dalam satu kebakaran dipercayai akibat perbuatan vandalisme yang menyebabkan almari berisi beratus-ratus buku rujukan, buku tambahan dan soalan peperiksaan untuk pelajar PMR dan SPM telah dibakar. Pihak polis mendapati bahawa adanya unsur-unsur jenayah setelah berjumpa puntung-puntung rokok di kawasan berkenaan. Pihak polis pula tidak menolak kemungkinan besar kejadian ini dilakukan oleh pelajar sekolah. Nampaknya tingkah laku vandalisme semakin hari semakin membimbangkan pihak sekolah.

Golongan pelajar tersebut dalam gejala vandalisme dikatakan seolah-olah telah hilang pertimbangan diri dan kewarasan untuk berfikir. Mereka ini kelihatan bertindak semakin ganas dan terkeluar daripada jangkauan kita yang waras. Pada pemikiran orang yang waras sudah pasti kita tidak mahu merosakkan bangunan-bangunan sekolah di mana tempat kita menimba ilmu untuk mendidik kita agar menjadi seorang insan yang berguna. Sebaliknya mereka turut mengiringi marak api yang menjilat bilik guru dengan kata-kata caci maki dan sumpah seranah yang ditulis pada dinding sekolah sebagai bantahan dan melepaskan geram.

Kita sepatutnya turut merasa betapa hancurnya hati para guru sekolah itu apabila melihat sebuah bangunan yang selama ini dianggap mulia, tempat mereka mencari rezeki halal, mencurahkan ilmu mendidik pelajar telah menjadi mangsa segelintir remaja yang suka melakukan salah laku vandalisme yang masih terbelenggu dengan perangai yang tidak bertamadun. Bagai pepatah “madu diberi, tuba yang dibalas”, maka sikap mereka yang terbabit seolah-olah mereka “buta hati dan buta perut”. Amat aneh sekali mereka sedikitpun tidak berasa sedih dan amat menyedihkan sekali kepada bangunan sekolah tempat mereka mendapat pendidikan.

Menurut Aziz Hamid (2009), Perkhidmatan Nasional perlu dikuatkuasakan sebagai salah satu langkah untuk mendisiplinkan pelajar di sekolah di samping mencegah gejala vandalisme yang berleluasa. Penguatkuasaan undang-undang dengan menjatuhkan hukuman yang berat kepada pelaku vandalisme. Ini akan menjadi pengajaran dan taudalan untuk vandal lalu membantu mereka menjauhi daripada perbuatan vandalisme. Beliau amat bersetuju dengan mengenakan hukuman ke atas pesalah vandalism dan menggesa agar semua pihak mengamalkan sifat bertegur sapa dan menyayangi harta benda. Ini adalah sebagai langkah yang paling berkesan untuk menyelesaikan masalah vandalisme daripada menular.

Menurut Aziz Hamid Halit (2008), taraf sosioekonomi keluarga mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku pelajar. Dapatan kajian oleh Abdul Raub Rahman (2006) ke atas pelajar-pelajar lelaki di sekolah menengah terhadap tingkah laku vandalisme mendapati bahawa pelajar-pelajar terbabit berasal daripada status sosioekonomi yang rendah. Ini mungkin disebabkan kedua ibu bapa mereka keluar bekerja untuk mencari pendapatan keluarga. Ibu bapa yang kurang berpendidik memang kurang memberi perhatian kepada pelajaran anak-anak mereka. Ini bertepatan dengan kajian Salim Runtu (2008) yang mengkaji salah laku vandalisme di kalangan pelajar sekolah menengah di Sarawak mendapati bahawa kebanyakan pelajar ini adalah latarbelakang keluarga berpendidikan rendah dan terdapat keluarganya juga tidak pernah bersekolah langsung .

Masyarakat kini kurang memberi didikan kuat atau pegangan agama dalam pembentukan sahsiah keluarga terutama terhadap anak-anak. Akibatnya, konflik keluarga akan timbul dan anak-anaklah yang menjadi mangsa. Hal ini disokong oleh *Galamus dan Maggs* (2009) yang menyatakan tahap konflik keluarga yang tinggi lalu boleh mengakibatkan anak-anak kita terlibat dalam salah laku bermasalah.

Hubungan ibu bapa dan anak penting dalam pembentukan sesebuah keluarga yang erat hubungan. Perhubungan teruk dalam sesebuah institusi keluarga boleh menyebabkan pelajar bertindak ganas dan di luar jangkaan seperti terlibat dengan

tingkah laku devian atau anti-sosial. Ini dibuktikan menerusi kajian yang dilakukan oleh Abu Bakar (2003) yang mendapati bahawa masalah berpunca daripada ibu bapa yang kurang mengambil berat terhadap kegiatan seharian anak-anak, terlalu manjakan dan mengikuti apa sahaja yang mereka ingin dalam kehidupan harian mereka. Salim Runtu (2008) pula menyatakan bahawa salah laku di kalangan pelajar terjadi kerana remaja-remaja kekurangan kasih sayang dan kemesraan dalam keluarga. Hal ini disebabkan kesibukkan ibu bapa lalu mengabaikan perkembangan mental dan emosi mereka.

Di mana, ibu bapa berperanan memberi tunjuk ajar kepada anak-anak mereka tentang falsafah kepentingan harta benda awam. Ibu bapa semestinya menerangkan kepada anak-anak mereka tentang pentingnya menganggap harta benda orang lain sama seperti harta benda sendiri. Secara tidak langsung sekiranya anak sudah diingatkan dengan falsafah ini, maka sudah tentu masalah vandalisme tidak seteruk hari ini. Ibu bapa perlu mengasihi dan mendampingi anak-anak mereka supaya tidak berlaku kebosanan dan kekosongan di hati mereka. Kesedaran perlu diterapkan untuk membentuk jiwa remaja yang sihat dan fikiran yang matang sebelum melangkah ke alam dewasa.

Faktor sekolah juga menjadi salah satu faktor penyumbang kepada salah laku pelajar. Iklim sekolah seperti susunan struktur bilik darjah, interaksi di antara guru dengan pelajar, pelajar dengan pelajar serta pelajar dengan persekitaran juga mungkin mengandungi unsur-unsur yang boleh membawa kepada berlakunya gejala vandalisme. Menurut *Smith* (1969), perhubungan di antara guru dan pelajar yang teruk akan timbul salah laku pelajar. Ini dijelaskan dalam kajian oleh *Cohen* (1972), di mana faktor sekolah berpunca dari persepsi negatif pelajar terhadap gurunya, sikap dan personaliti dan kokurikulum yang tidak fleksibel.

Kebanyakan kes vandalisme yang membabitkan beberapa kumpulan pelajar. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya sangat kuat dalam mempengaruhi seseorang membuat sesuatu tindakan. Menurut *Hirchi & Selvin* (2003) yang berdasarkan *Differential Association Theory*, remaja yang tidak berminat atau tidak berhasrat untuk

melakukan sesuatu aktiviti sebelum dia menggabungkan diri dengan mereka yang terlibat dalam aktiviti tersebut. Hal ini disokong oleh Abu Bakar (2003) yang menyatakan bahawa pelajar lebih cenderung untuk melakukan salah laku ketika berkumpul dengan rakan sebaya.

Tidak dapat dinafikan bahawa faktor konsep sendiri turut mempengaruhi kelakuan devian pelajar. Hal ini demikian, remaja yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi memang kurang atau tidak pernah pun terlibat dalam gejala salah laku, di mana pelajar yang mempunyai konsep sendiri yang rendah biasanya adalah golongan yang banyak terlibat dalam salah laku ini. Hal ini dibuktikan dengan kajian Asiah (2001) yang menyatakan bahawa pelajar bermasalah memiliki konsep sendiri yang negatif, sebaliknya pelajar-pelajar yang berkelakuan baik memiliki konsep sendiri yang positif. Heng Ai Lin (2009) dalam kajiannya mendapati menyatakan pelajar yang rendah konsep sendiri tidak gemar datang ke sekolah mereka. Mereka juga merasa diri sunyi dan popular serta dipinggirkan oleh rakan-rakan sekolah.

Tindakan yang serius perlu diambil terhadap pelajar-pelajar yang bertingkah laku vandalisme ini bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong kepada peningkatan aktiviti-aktiviti vandalisme di kalangan pelajar sekolah. Ternyata bahawa tingkah laku vandalisme ini akan membawa kepada kejadian jenayah di sekolah. Jadi, pelbagai tindakan perlu diambil untuk mengatasi masalah ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan masalah-masalah dalam tingkah laku vandalisme yang telah dinyatakan di atas, kelima-lima faktor tersebut iaitu faktor sosioekonomi, keluarga, sekolah, rakan sebaya dan diri sendiri, pengkaji ingin melihat sama ada terdapat hubungan antara faktor-faktor ini dengan tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat faktor-faktor penyebab yang mendorong pelajar bertingkah laku vandalisme atau merosakkan harta benda di sekolah dari sudut sosioekonomi, keluarga, persekitaran sekolah, rakan sebaya dan konsep sendiri. Secara ringkasnya tujuan kajian ini ialah:

- i. Mengenal pasti sama ada terdapatnya perbezaan status sosioekonomi ibu bapa di kalangan pelajar yang bertingkah laku vandalisme di sekolah Zon Labis, Johor.
- ii. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara faktor keluarga dengan tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar di sekolah Zon Labis, Johor.
- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara faktor persekitaran sekolah dengan pembentukan tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar di sekolah Zon Labis, Johor .
- iv. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara faktor rakan sebaya dengan pelajar cenderung bertingkah laku vandalisme dalam kalangan pelajar di sekolah Zon Labis, Johor.
- v. Mengenal pasti sama ada faktor konsep sendiri mempunyai hubungan dengan pembentukan tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar sekolah Zon Labis, Johor.

1.5 Persoalan Kajian

Dalam untuk mencapai tujuan kajian, soalan-soalan kajian telah dibentuk seperti berikut :

- i. Adakah tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pendapatan ibu bapa yang tinggi berbanding dengan pendapatan ibu bapa yang rendah terhadap tingkah laku vandalisme dalam kalangan pelajar di Zon Labis, Johor?
- ii. Adakah tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang mempunyai ibu bapa yang berpendidikan tinggi berbanding dengan pelajar yang mempunyai ibu

bapa yang berpendidikan rendah terhadap tingkah laku vandalisme di Zon Labis, Johor?

- iii. Adakah tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor keluarga dengan tingkah laku vandalisme di Zon Labis, Johor?
- iv. Adakah tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor persekitaran sekolah dengan tingkah laku vandalisme di Zon Labis, Johor?
- v. Adakah tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor rakan sebaya dengan tingkah laku vandalisme dalam kalangan pelajar di Zon Labis, Johor?
- vi. Adakah tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor konsep sendiri dengan tingkah laku vandalisme dalam kalangan pelajar di Zon Labis, Johor?

1.6 Hipotesis

Kajian ini menguji beberapa hipotesis yang berkaitan dengan objektif kajian. Di antara hipotesis tersebut ialah:

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan tingkah laku vandalisme dengan pendapatan ibu bapa yang tinggi berbanding pendapatan ibu bapa yang rendah.

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan tingkah laku vandalisme di antara pelajar yang mempunyai ibu bapa yang berpendidikan tinggi berbanding pelajar yang mempunyai ibu bapa yang berpendidikan rendah.

Ho3 : Tidak terdapat hubungan tingkah laku vandalisme dengan faktor keluarga di kalangan pelajar sekolah.

Ho4 : Tidak terdapat hubungan tingkah laku vandalisme dengan faktor sekolah di kalangan pelajar sekolah.

Ho5 : Tidak terdapat hubungan tingkah laku vandalisme dengan faktor rakan sebaya di kalangan pelajar.

Ho6 : Tidak terdapat hubungan tingkah laku vandalisme dengan faktor konsep sendiri di kalangan pelajar.

Berdasarkan hipotesis-hipotesis yang telah di bentuk pengkaji berharap dapat melihat pengaruh faktor sosioekonomi, iaitu tingkat pendapatan ibu bapa dan tahap pendidikan ibu bapa, faktor keluarga, faktor sekolah, faktor rakan sebaya dan faktor konsep sendiri terhadap tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diadakan bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada perlakuan vandalisme yang wujud di sekitar dan juga mendidik pelajar untuk mencintai harta awam. Biarpun negara kian maju tetapi kesedaran sivik di kalangan masyarakat masih lagi rendah sehinggakan ada yang sanggup melakukan aktiviti vandalisme secara berleluasa. Contohnya kemudahan-kemudahan awam seperti telefon, meter letak kereta, taman rekreasi, tandas awam serta tempat perteduhan bas telah dirosakkan dengan teruk. Seharusnya kemudahan-kemudahan awam seperti ini perlu dijaga dan digunakan sebaik mungkin kerana ia adalah hak awam dan menjadi kegunaan orang ramai. Jumlah kerugian akibat perbuatan vandalisme ini amatlah besar. Peruntukan kewangan yang digunakan untuk mengganti baru dan membaik pulih kemudahan-kemudahan yang dirosakkan itu sekiranya digunakan untuk melaksanakan projek lain yang lebih berfaedah sudah tentu dapat memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Senario vandalisme seperti ini jelas menunjukkan bahawa penguatkuasaan undang-undang sahaja tidak mencukupi untuk menangani masalah.

Masalah vandalisme ini boleh dikategorikan sebagai masalah sosial yang berkait rapat dengan faktor pendidikan, kesedaran, kematangan, kekeluargaan dan juga persekitaran. Justeru itu kita perlu mencari satu formula baru dan membuat kajian yang komprehensif agar dapat mengesan punca masalah ini dari akar umbinya. Pendekatan yang lebih berkesan memerlukan gandingan penguatkuasaan dan proses pendidikan yang berterusan dari peringkat awal. Masyarakat perlu menyedari dan harus dididik untuk memahami bahawa menjaga kemudahan awam adalah tanggungjawab bersama. Kita harus menyayangi harta benda awam seperti kita menyayangi harta kita sendiri. Sekiranya kegiatan vandalisme ini tidak ditangani secara bersungguh-sungguh, akan sampai satu peringkat di mana masyarakat akan menerima persepsi bahawa apa yang berlaku itu merupakan perkara biasa. Sekiranya senario ini berterusan, kemajuan yang kita cita-citakan tidak akan tercapai.

Perbuatan vandalisme tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Bagi sesetengah orang mereka tidak peduli terhadap perbuatan menconteng ini kerana mereka menganggapnya hanyalah fenomena sementara. Apabila pelajar meningkat dewasa, perbuatan ini akan terhenti dengan sendiri. Gejala vandalisme dilakukan berterusan dari generasi ke generasi seolah-olah menjadi warisan yang mempunyai waris-warisnya. Jika perbuatan ini didiamkan begitu sahaja, tentu ia menggalakkan lagi perbuatan vandalisme ini.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan dengan harapan supaya dapat memberi gambaran sebenar tentang faktor-faktor penyebab tingkah laku vandalisme. Diharap faktor sosioekonomi, keluarga, sekolah, rakan sebaya dan konsep sendiri yang dikaji dapat memberi bantuan kepada semua pihak untuk mengatasi masalah ini daripada terus menular. Kajian ini juga diharap dapat menentukan faktor yang paling signifikan terhadap salah laku vandalisme.

Hasil kajian ini secara praktiknya dapat menjadi panduan untuk mengurangkan kadar vandalisme di kalangan pelajar. Pihak sekolah, terutamanya kaunselor diharap memberi perhatian yang khusus kepada pelajar-pelajar yang bermasalah berdasarkan kepada punca-punca yang menyebabkan pelajar tersebut melakukan vandalisme.

Masyarakat seperti jiran-tetangga, *NGOs*' dan golongan cendekiawan perlu menghulurkan bantuan tenaga, buah fikiran dan kewangan bagi mengurangkan salah laku vandalisme. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama kerajaan perlu menyediakan program-program bagi membendung masalah ini setelah mengetahui punca-punca sebenar perlakuan ini.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini tingkah laku vandalisme ini hanya dikaji di Zon Labis. Empat buah sekolah sahaja dipilih untuk diedarkan soal selidik kepada para pelajar iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Labis(SMKL), Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Ibrahim(SMKMI), Sekolah Menengah Kebangsaan Maokil(SMKM), Sekolah Menengah Kebangsaan Kamarul Ariffin(SMKKA). Sekolah tersebut dipilih kerana terletak di luar bandar serta dipercayai kadar vandalisme adalah tinggi. Selain itu, sekolah-sekolah ini dipilih berdasarkan Laporan Unit Hem, Jabatan Pendidikan Segamat yang menunjukkan kadar salah laku vandalism yang tinggi di kalangan sekolah luar bandar.

Subjek kajian pula dipilih di kalangan pelajar yang berumur antara 13 hingga 14 tahun iaitu pelajar-pelajar dari tingkatan satu dan dua. Ini kerana dalam usia tersebut, tingkah laku vandalisme yang dilakukan oleh pelajar adalah nyata dan mereka baru mula berada di alam pertengahan remaja yang akan menghadapi masalah konflik identiti dalam penyelesaian perkembangan diri.


Jadi, selain dari melihat rekod disiplin pelajar daripada Guru Hal Ehwal Murid, kajian ini turut dibantu oleh guru disiplin dann kaunselor untuk memilih subjek yang paling tepat dari segi mereka pernah mempunyai rekod bahawa pernah melakukan tingkah laku devian di kawasan sekolah.

Kajian ini juga hanya mengkaji kepada sekolah menengah sahaja. Pengkaji berpendapat memang khas untuk pelajar sekolah menengah sahaja. Golongan ini lebih cenderung melakukan salah laku vandalism dan mereka lebih berani melakukan salah laku. Ini disebabkan mereka sentiasa menganggap diri mereka adalah senior di sekolah. Mereka mahu menunjukkan tingkah laku mereka dengan merosakkan harta benda di sekolah untuk mencari pengikut di kalangan rakan sebaya. Mereka suka menunjukkan “kehebatan” di kalangan rakan sebaya agar dianggap sebagai hero mereka.

1.9 Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini cuba melihat faktor-faktor yang menjadi penggerak ke atas pembentukan tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar. Oleh itu, berdasarkan objektif kajian yang telah dibincangkan, kerangka konsep kajian dibentuk seperti berikut:

Kerangka Konsep Kajian Penyebab Tingkah Laku Vandalisme



Rajah 1.1 Model Kajian Tentang Penyebab Tingkah Laku Vandalisme

Rajah 1.1 menunjukkan model kajian ini kepada penyebab-penyebab yang menjadikan faktor pendorong ke arah pembentukan tingkah laku vandalisme pelajar di sekolah menengah. Faktor-faktor yang terlibat dalam kajian ini ialah faktor sosioekonomi (pendapatan dan pendidikan), keluarga, persekitaran sekolah, rakan sebaya dan konsep sendiri.

1.1 0 Definisi Istilah Dan Operasional

Beberapa definisi istilah dijelaskan mengikut kehendak dan dinyatakan secara terperinci.

1.10.1 Vandalisme

Laku musnah atau Vandalisme merujuk kepada tabiat seseorang membinasakan harta nama sebuah puak di Eropah, Vandal, yang telah membinasakan kota Rome pada tahun 445. Pada lazimnya, laku musnah ditanggap sebagai satu bentuk jenayah, tetapi pada keadaan tertentu, vandalisme merupakan satu bentuk ritual yang dilakukan oleh golongan manusia yang tidak puas hati terhadap kondisi masyarakat.

Jenayah laku musnah biasanya merujuk kepada perbuatan merosakan harta benda awam seperti papan tanda, kerusi awam, perhentian bas, telefon awam dan juga tandas awam. Kelakuan ini biasanya diasosiasikan remaja yang terlibat dalam budaya lepak. Motif untuk vandalisme adalah terletak pada aspek emosi. Vandalisme biasanya dianggap sebagai satu cara untuk melepaskan rasa geram, ataupun satu cara untuk menghilangkan kebosanan semata-mata. Walaupun motif mereka adalah begini ringan, tetapi masyarakat awam terpaksa menanggung kerugian yang besar untuk memenuhi nafsu mereka yang hina.

Vandalisme menurut Abu Salim (2009), secara umumnya vandalisme dapat didefinisikan sebagai apa sahaja bentuk tingkah laku yang mempunyai impak bertujuan merosak atau mengubah harta benda awam atau persendirian.

Allberg (2009) menyatakan vandalisme didefinisikan sebagai “kelakuan yang mendatangkan kemusnahan pada bangunan sekolah”. *Xard* (2003) cuma menggunakan “kerusakan harta benda” untuk mendefinisikan vandalisme. Kerosakan itu termasuklah merompak, mencuri, pecah masuk, merosakkan sesuatu untuk membalas dendam, memusnahkan harta benda dan membakar dengan tujuan jahat.

Ackman (2007) mendefinisikan bahawa semua bentuk kemusnahan harta benda secara disengajakan atau tidak disengajakan. Particks dan Suinney (2003) menyatakan definisi vandalism yang lebih luas, iaitu suatu serangan simbolik terhadap sekolah, termasuk kelakuan memusnahkan harta benda dengan membuang sampah hingga ke perbuatan membakar harta benda awam dengan sengaja bagi tujuan membalas atau menentang sistem yang tidak adil.

Fellen dan Sreenberger (2008) vandalisme merupakan kelakuan merosakkan harta benda secara sengaja dan secara semulajadi serta ia mungkin bermakna pada pelaku vandalisme. Aron dan Bisher (2002) pula menyamakan tingkah laku vandalisme dengan tingkah laku agresif.

Dalam kajian ini seperti termaktub dalam buku peraturan disiplin, vandalisme didefinisikan sebagai tingkah laku merosakkan harta benda di sekolah sama ada secara sengaja atau tidak sengaja yang dilakukan oleh pelajar-pelajar. Tingkah laku vandalisme adalah seperti menebuk, mengguris, atau menulis perkataan, menconteng atau mengotorkan pada dinding dan di merata tempat. Selain itu, mereka juga mengoyak buku perpustakaan dan mencalar atau mengguris kenderaan guru.

1.10.2 Sosioekonomi

Sosioekonomi berpandu kepada latar belakang kehidupan seseorang berdasarkan tingkat pendapatan, jenis pekerjaan dan tahap pendidikan. Manakala, kelas sosial merujuk kepada tingkah laku seseorang, tabii, sikap dan nilai sosial serta kelas sosial ditentukan oleh kriteria budaya, interaksi sosial, hubungan dengan pangkat, tradisi keluarga dan harta (Rancangan Malaysia Ke-10, 2011-2015)

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia, pendapatan ibu bapa pelajar yang kurang daripada RM 500 sebulan digolongkan kepada sosioekonomi rendah, bagi ibu bapa yang berpendapatan antara RM 500 hingga RM 1500 sebulan digolongkan kepada sosioekonomi sederhana dan bagi ibu bapa yang berpendapatan lebih RM 1500 sebulan digolongkan kepada sosioekonomi tinggi. Barifah Almin (2005) menyatakan bahawa status sosioekonomi membawa maksud di mana kelas sosial mempunyai ciri-ciri pekerjaan ketua rumah, pendapatan keluarga dan pendidikan ibu bapa.

Dalam kajian ini, status sosioekonomi merujuk kepada pendapatan ibu bapa yang menjadi salah satu faktor yang mendorong kepada pembentukan tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar di sekolah iaitu bagi ibu bapa yang berpendapatan kurang daripada RM 2499 dianggap berpendapatan rendah, manakala ibu bapa yang lebih daripada RM 2500 dianggap berpendapatan tinggi.

Selain itu, dalam kajian ini status sosioekonomi juga melihat kepada tahap pendidikan ibu bapa yang rendah dan tinggi. Tahap pendidikan ibu bapa yang dianggap rendah ialah rendah daripada SPM. Begitu juga, tahap pendidikan ibu bapa yang dianggap tinggi ialah tinggi daripada SPM. Manakala, dipercayai bahawa pelajar-pelajar yang berasal dari status ekonomi yang rendah adalah paling ramai terlibat dalam tingkah laku merosakkan harta benda. Hal ini mungkin disebabkan mereka tidak mendapat perhatian sepenuhnya daripada ibu bapa yang sibuk mencari nafkah sehingga mengabaikan kelakuan mereka dalam kehidupan harian.

1.10.3 Keluarga

Menurut takrifan *Berrard dan Braham* (2004), keluarga asas terdiri daripada ibu, bapa dan anak-anak. Keluarga boleh ditakrifkan sebagai satu kelompok sosial yang tinggal di bawah satu bumbung. Mereka bekerjasama dalam semua kegiatan ekonomi dan sosial serta menambah zuriat.

Ibu bapa berperanan memberi bimbingan asas kepada anak muda tentang kepentingan harta benda awam. Ibu bapa sentiasanya menerangkan kepada anak-anak tentang pentingnya menganggap harta benda orang lain sama seperti harta sendiri, secara tidak langsung sekiranya anak sudah diingatkan dengan kepentingan ini maka sudah tentu masalah vandalisme tidak seteruk hari ini. Sebagai penjaga perlu berusaha mewujudkan persekitaran yang paling baik dan sesuai bagi pembelajaran anak-anak. Mereka harus menjadi pemimpin yang bijak dan saling bertolak ansur dalam keluarga. Jadi, ibu bapa seharusnya sedar bahawa tanggungjawab mereka adalah menjadikan anak-anak berakhlak mulia dan insan yang berguna.

Dalam kajian ini, faktor keluarga merujuk kepada hubungan antara ibu bapa dan anak-anak mereka. Corak hubungan keluarga yang diperhatikan ialah komunikasi, sikap mengambil berat, aktiviti yang dilakukan bersama-sama serta perhatian yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anak. Corak hubungan keluarga ini memberi kesan kepada emosi, fizikal dan psikologikal anak-anak. Kekeluargaan yang mengamalkan hubungan komunikasi mesra dipercayai akan melahirkan anak-anak yang sihat dari segi mental dan fizikal.

1.10.4 Persekitaran Sekolah

Sekolah sebagai satu institusi pendidikan yang membekalkan ilmu pengetahuan, kemahiran, ketrampilan dan kecerdasan serta nilai dan interaksi sosial kepada anak-anak muda-mudi menjadi insan yang berguna. Sistem persekolahan sebagai satu tempat untuk mereka menghadapi alam dewasa.

Scotter(2004) pula menyatakan bahawa sekolah berfungsi sebagai tempat pendidikan, penilaian, agen sosialisasi dan perlindungan. Persekitaran sekolah memainkan peranan penting dalam membentuk budaya masyarakat. Jadi, bentuk latihan dan jenis teladan di sekolah hendaklah ditumpukan kepada pembentukan budaya positif dan nilai-nilai murni hidup yang baik. Di samping itu, sekolah juga berperanan penting dalam melengkap fungsi keluarga dalam pembentukan sahsiah anak-anak.

Bagi kajian ini faktor persekitaran sekolah merujuk kepada mata pelajaran yang terlalu membebankan, guru-guru yang terlalu tegas, disiplin dan peraturan sekolah yang terlalu ketat, pertentangan pendapat antara guru dengan pelajar mengenai sesuatu idea atau isu, penyampaian atau pengajaran dan pembelajaran guru yang membosankan, sikap pilih kasih guru terhadap pelajar-pelajar, serta aktiviti kokurikulum yang membosankan di sekolah. Kesemua ini akan mengakibatkan para pelajar berasa tertekan dan akhirnya kehilangan minat dalam pelajaran. Mereka ini akan bertindak ganas dengan merosakkan harta benda sekolah untuk mengurangkan tekanan dan kehendak naluri mereka. Jadi, sampel kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar bermasalah dan pernah terlibat dalam tingkah laku devian. Ia dipilih daripada empat buah sekolah menengah.

1.10.5 Rakan Sebaya

Rakan sebaya didefinisikan sebagai kawan karib di mana remaja berhubung antara sesama mereka dan mempunyai hubungan yang erat. Mereka mempunyai keinginan dan keseronokkan yang sama ketika bekerjasama dalam sesuatu aktiviti. Hubungan mereka rapat di antara satu sama lain. Rakan sebaya mempunyai pengaruh dominan ke atas perlakuan remaja dalam segala aktiviti berfaedah atau tidak berfaedah.

Scole dan Shale (2007) mendefinisikan rakan sebaya merupakan unit bagi golongan remaja. Golongan mereka ini sering berhubung antara persamaan dan perbezaan dalam pelbagai bidang. Hal ini secara langsung mempengaruhi corak hidup mereka di sekolah di mana mereka juga mempunyai taraf sosioekonomi yang lebih kurang sama. Tekanan rakan sebaya boleh membentuk sesuatu tingkah laku agresif pelajar. Menurut Kevan (2006), golongan ini tidak dapat melarikan diri daripada melalui proses “keakuran kepada rakan sebaya”. Mereka akan melakukan sesuatu tingkah laku atas permintaan rakan-rakan walaupun mereka tidak berniat jahat berbuat demikian. Lazimnya, mereka sangat mendengari dan mematuhi arahan daripada rakan sebayanya. Jika tidak mengikut arahan mereka, mereka akan disisih daripada kumpulan itu.

Smith (2007) menjelaskan bahawa fungsi rakan sebaya dapat mengumpulkan di antara mereka dalam menghidupkan nilai-nilai bersama di kalangan ahlinya. Mereka ingin cuba mempertaruhkan kesetiaan kepada kumpulannya dengan melakukan tingkah laku yang diminta oleh ahli-ahlinya agar mereka diakui dalam kumpulan itu serta mendapat kehendak penghargaan. Mereka akan berasa selamat dan dihargai dalam kumpulan itu. Mereka ini menerima pendidikan tidak formal daripada rakan sebaya. Apa yang dilakukan oleh rakan-rakan akan diikuti dan dijadikan pedoman dalam kehidupan.

Rakan sebaya dalam kajian ini mungkin terdiri daripada pelajar-pelajar atau penganggur. Golongan ini sentiasa melakukan aktiviti kumpulan. Mereka lebih suka berbincang dan membuat keputusan bersama-sama jika dibandingkan dengan guru, ahli

keluarga dan masyarakat . Lazimnya, mereka akan patuh dan mengikuti apa-apa pesanan daripada rakan-rakannya. Mereka ini akan berasa gembira ketika berkumpul dengan rakan sebaya. Pengaruh rakan sebaya yang dominan ke atas pelajar-pelajar mungkin meningkatkan lagi kejadian vandalisme di sekolah sekiranya kumpulan itu cenderung ke arah melakukan perbuatan vandalisme.

1.10.6 Konsep Kendiri

Boss (2009) menjelaskan bahawa konsep kendiri bertumpu kepada pembentukan personaliti seseorang individu itu. Ia merangkumi unsur penilaian positif dan negatif, sikap dan persepsi seseorang terhadap dirinya.

Gopals (2004) mengkategorikan konsep kendiri kepada tiga kategori iaitu, kondisi diri tentang kebijaksanaan atau kebolehan dirinya. Kedua, penerimaan diri iaitu perasaan yang dipunyai dan timbal balik antara diri dengan orang lain. Ketiga, nilai diri iaitu hasil dari penerimaan diri. Jika penerimaan diri adalah dalam bentuk positif, maka penilaian terhadap diri juga akan berbentuk positif, dan sebaliknya.

Petter (2008) turut mendefinisikan konsep kendiri kepada tiga konsep utama. Yang pertama, ia meliputi tubuh, pakaian, keluarga, rumah dan segala milik kebendaan. Kedua, siapa diri kita pada pandangan ibu bapa, rakan-rakan, guru-guru dan mereka yang berada di sisi kita. Ketiga, tret personaliti seperti sikap, nilai, keyakinan, kepercayaan, persepsi, sosial, segala pengalaman diri, kebolehan, kecekapan dan seumpamanya.

Konsep kendiri dalam kajian ini merangkumi apa yang pelajar percayai tentang diri mereka dan bagaimana mereka menilai setiap ciri-cirinya sama ada kelebihan atau kelemahan diri. Pelajar juga turut memberi perhatian pada apa yang rakan-rakan, ibu

bapa dan guru-guru katakan tentang diri mereka. Mereka turut menilai diri sendiri berdasarkan bagaimana mereka dinilai oleh orang lain. Misalnya, jika mereka merasa diri mereka tidak disukai oleh keluarga dan rakan-rakan, maka mereka akan menilai negatif diri mereka. Jadi, mereka dikatakan mempunyai konsep sendiri yang negatif dan sebaliknya. Mereka akan berkecenderungan untuk melakukan tingkah laku yang tidak dikehendaki seperti merosakkan harta benda.

1.11 Penutup

Bab ini telah mengemukakan latarbelakang, permasalahan, objektif, persoalan, kepentingan kajian serta skop kajian dalam melihat faktor-faktor mempengaruhi tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar empat buah Sekolah Menengah di Zon Labis, Johor. Bagi memastikan istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini dapat difahami pembaca, definisi operasional telah diberikan dan dinyatakan dengan jelas.

Bibliografi

- Abdul Raub Rahman. 2006. Masalah pelanggaran disiplin pelajar-pelajar sekolah menengah.
- Abu bin Bakar.2003.Faktor-faktor yang mendorong kenakalan. Satu kajian di sebuah sekolah akhlak di Wilayah Persekutuan.Diploma.Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Salim.2009.Vandalism di perumahan pelajar (asrama): Satu tinjauan di perumahan mahasiswa di salah sebuah institute pengajian tinggi di Malaysia. Jurnal Personalia Pelajar.Jil.2: 13-20.
- Ackman, B.G. 2007. Dropping out: Problem of symptoms. Michigan: Universiti Press.
- Allberg, B. 2009. School vandalism : A nation dilemma. Men;o Park. California: Stangord Research Institute
- Aners, B.L. & Bolson, D.H. 2005. Parent communication and model. Child Development. Jil 36 : 138-247
- Argrevas, D,H. 2007, Social relation in secondary school. New York: Rouledge and Kagen Paul Ltd.
- Aron, B.M & Bisher, J.D. 2002. The equity-base model of vandalisme: Population & Environment. Jil 3 : 82-100
- Asiah Isli. 2001. Konsep sendiri di kalangan pelajar sekolah menengah : Perbandingan di antara penghuni pusat pemulihan akhlak dan pelajar sekolah. Latihan ilmiah. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aslow,A.C.& Roger,E.S.2002.Perceiving behaving becoming: Anew Focus on education.U.S.A:A.S.C.D
- Aziz Hamid Hassan. 2008. Faktor-faktor menyebabkan pelanggaran disiplin di sebuah sekolah
- Barifah Almin Al-Sagof. 2005. Astudy of learning student characteristics and faculty of the distance education program at Universiti Sains Malaysia.Seattle: University of Washington, Washington.

- Berrad, Z & Braham, M.V.2004. Three ideological orientation in school vandalism research. *Review of Educational research*. Jil 54. 263-292.
- Bold, M. & Reimer , D.T. 2007. Changing pattern of delinquentbehaviour among American 13 'C 16 years old 2007 'C 2009. *National Survey of Youth Report No.1*.Ann Arbour University of Michigan Research for Group Dynamics.
- Bold, M. 2007. *Delinquent behaviour in an a American city*. California: Brooks Cole.
- Boss, H.L 2009.Socioeconomic sttus and report delinquent behaviour. *Socials Problems*.Vol.13: 314-324
- Bowels, J.K., The Residence hall vandalism problem: A model for examining destruction behaviour: *Journal of Collage and University Student Housing*. 2008. Jil 12 (1), pp 15-19
- Buke, D.L.2008. School discipline policy in the 1980 j's. *Contemporary Education*. Jil. 2. 24-29.
- Caplan,H.B.2005.*Self attitude and deviant behaviour*.California:Good Year Inc.
- Cardinelli, C.F.2009. Another view: Lets get all the cause of youthful vandalism. *The American School Board Jurnal*. Jil I: 68-69.
- Cohen, S. 2002. The polotics of vandalism. *New Society*. Jil 12, pp.872-878.
- Crooks, B.J.2001. *The process of parenting*. New York:Mayfield Publishing Company.
- Doughlas, A.G.2002. A case study of disciplinary problem in a secondary boys school in Kuala Lumpur. Thesis(M.Ed.). University Malaya.
- Eldhunsen, J.f.2008. Behaviour Problems in secondary school. *Journal Or Research and Development in education*. Jil. 4. 17-29.
- Element, S.L.2005. School vandalism-causes and cures. *National Association of Secondary School Principals Bulletin*: Jil 39(287). 27-31.

- Fellen, A.L & Sreenberger, DB. 2008. Destruction and perceived control. *Advances in Environment Psychology*. Vol. I : 185-209.
- Funer,b 2003.Discipline in school.Condey Warldlock Education.
- Galamus.L.N & Maggs, L.J.2009. Out of school of young adolescence and self reported behaviour. *Development psychology*. Jil.27 (4), 644-655
- Gibbons, D.C. & Krohn, M.D 2006. *Delinquent Behaviour*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice Hall.
- Glueck, N, Eleanor , L & Sheldon , A. 2008. *Unravelling juvenile delinquency*. Massachusetts: Harvard University Press. Cmabridge.
- Gopals,B.2004.Toward understanding juvenile delinquency.Chicago:Chicago University Press
- Halimah Ab, Rahim, 2003. *Tingkah laku Devian, Faktor-faktor Penyebab : Satu kajian kes di Sekolah Menengah Di Nilai, Negeri Sembilan*. Kertas projek Diploma Kaunseling, Bangi . Universiti Kebangsaan Malaysia
- Heng Ai Lin. 2009. *Educational sociology, Educational psychology, School administration, Discipline problem, Case studies, School Management, Truancy,Family background, Parent-chil relationship and Parent Responsibility*.
- Hirschi, T.& Selvin,H.C 2005.*Delinquency research*.New York:Mc.Millin Co.
- Howard,J.L 2008.Factor in school vandalism.*Journal of Research and Development in Education*. Jil II: 53-63
- Hunhill, J. 2004. *Disciplin in the classroom*. University if London: London Press.
- Hurlock,E.B.2007.*Adolescent development*. New York:McGraw Hill
- Irris,I.2007.*The sociology of uducation:An Introduction*.London: George Allen and Unwin Ltd.
- Journal of Yourth and Adolescence*.Jil.8.91-101

- Kevan,M.2006.Juvinile vandalism:A study of its nature and prevention.Springfield Illinois:Charles,C.T.
- Laporan disiplin dan pembangunan daerah pendidikan Johor. 2011. Pusat dokumentasi bahagian perancangan dan penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Laporan salah laku murid sekolah Malaysia.2011.Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Latihan ilmiah. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.
- Longer,J.J.2004. Adolescence and youth. New York:Harper and Row Publishers.
- Louis,M & Rozak,C.2009. Drug and alcohol use,delinquency and vandalism.
- Loyson, R.2003. Discipline in school. London:Longman.
- Mahadi Hj.Osman,Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Saadiah.2005.Masyarakat melayu dan gejala sosial.
- Md, Anuar Ismail, 2012. Temubual dengan Timbalan Ketua Polis Daerah, Deputi Superintendan.
- Mohd.Makzan Musa.2006.Psikologi sosial.Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Mohd.Zainal,2006.Cabaran guru terhadap disiplin pelajar.Seminar disiplin pelajar kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia.Genting Highland,Pahang: 28-31 September.
- Moli. 2004. Karenah remaja hari ini. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Muhamed Bohan bin Jais.2008.Pelanggaran disiplin dan peraturan sekolah di kalangan remaja di Sekolah Menengah Tengku Abdullah, Pahang. Diploma.Tanjung Malim: Institut Pengurusan Sultan Idris.
- Muthu bt. M.2009.Kemerosotan disiplin pelajar-pelajar sekolah menengah di Bandar.Latihan Ilmiah.Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Olexa & Olexa.2004.School and delinquency.Englewood: Prentice Hall Inc.

- Oxford Advanced Learner's Dictionary.1991.New York:Oxford University Press.
- Palmore,E.B & Hammond,P.E.2004.Interacting factor in juvenile delinquency. American Sociological Review.848-854.
- Particks, JB & Suinney, R.2003. Criminal Behavior System: A Typology (2nd. Ed.). New York: Holt, Rinehart. Winston.
- Patrikcs, F.N.2005.Family relationship and delinquent behaviour.New York: Cambridge University Press.
- Pusat Penyelidikan dan Perundingan Universiti Utara Malaysia.2007.Kajian gaya hidup remaja negeri Kedah Darul Aman.
- Rragey, W .J. 1990. The psychology of fiscipline in classrooms. London: McMillan Co.
- Salim Runtu. 2008. Satu kajian tentang faktor-faktor kekeluargaan yang mempengaruhi disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di Sarawak. Latihan Ilmiah. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.
- Sayh, B. 2005. Our nation's school-A report card : A in violence and vandalisme. Washington, DC: U.S Government Printing Office
- Scole, L. and shall, I.N.2007. Psychology of adolescence. Great Britain: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Scotter,M.A.2004. School paracting family therapy in diverse setting. San Francisco: Bass Publication.
- Sild, A.T.2008.The psychology of adolescence (3.Ed.)New York: McMillan.
- Sloward, R.a. & Tan, L.E. 2006. Delinquency and opportunity: A theory of delinquency gangs. New York : Free Press.
- Smith,B.O.1999 Dicipline.Encyclopaedia of education research (4 Ed).London : The McMillan.Co.

- Smith,S.B.2007.Vandalism and violence.Washinton:National School Public relation Association.
- Sober,N.M 2006.Inadequate social acceptance and disructive classroom behaviour.
- Sohen,S.2007. Vandalism:Its politics and nature. In J.B Mays(Ed.). Juvenile Delinquency. The Family and the Social Group: A reader. London: Longman. 207-216.
- Tygart,C.2008.Public school vandalism: Toward a synthesis on theories and transition to paradigma analysis. Adolescence.Jil.XXIII.188-200
- Wan Mohd.Zahid Mohd Nordin,2007. Menangani gejala sosial dari perspektif pendidikan. Kuala Lumpur : Yakin Jita Sdn. Bhd.
- Watenberg,W.W.2003.The adolescent years.New York : Harcourt Brace Jovanich Inc.
- Wells, E.2004. Vandalisme and violence. Washington : National School Public Relation Association.
- Wolfgang, M.E.Larvity,L & Bonston,N.2007. The sociology of crime and delinquency. New York : John Wiley and Sons Inc.
- Yard, C.2003.Vandalism.London: The Architectural Press.
- Yorrow, M.r. 2003.Problem of methods in parent-child. Journal of Educational Research Jil.34:215-226
- Zaki Sulaiman. 2009.Faktor-faktor Perlanggaran Disiplin Sekolah : Satu kajian kes di Sekolah Menengah Seri Kota Melaka. Latihan Ilmiah Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuraidah Barif.2009.Faktor-faktor yang mempengaruhi pelanggaran dan kesan pencapaian Kluang, Johor. Latihan Ilmiah.Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.